

Meninggalkan Sembahyang Fardhu Kafir dan Hukumnya Dibunuh

Sembahyang adalah tiang agama. Kalau tiang agama runtuh- sembahyang tidak dikerjakan, maka runtuhlah binaan agama itu. Sedang sembahyang itu adalah seperkara yang sangat diberatkan oleh agama untuk mengerjakannya. Sembahyang fardhu tidak boleh ditinggalkan barang satu waktu pun selagi orang Islam yang diwajibkan itu masih sempurna akal nya, masih tahu apa yang dibuat nya.

Ini ternyata bahawa kalau seorang dihidap penyakit sukar mempertahankan wudhu'nya maka diberi jalan-jalan menyampaikan wudhu'nya sekadar satu sembahyang. Umpamanya diatas orang yang tidak putus-putus keluar kencing dan bagi perempuan yang sentiasa keluar darah penyakit(istihadah). Demikian juga Islam meluluskan tayamum bagi ketiadaan air ataupun kerana penyakit yang tidak boleh terkena air ataupun kalau terkena air menjadi mudarat kepadanya.

Juga tentang mengerjakan sembahyangnya, sembahyang wajibnya, sekiranya tidak berdaya untuk berdiri, ber duduk, sekiranya tidak sanggup duduk berbaring menyiring, sekiranya tidak sanggup menyiring, disuruh bertelentang dengan melakukan sembahyang dengan kadar syarat-syarat sahaja, dan sekiranya tidak upaya bergerak, maka memadai dengan gerak kelopak mata, dan sekiranya tidak berupaya juga hendaklah melakukan dengan hatinya; (lebih lanjut lihat pelajaran sembahyang orang sakit ini dalam buku Cahaya Pelajaran Agama Bagi Perama satu keluaran qalam – f.).

Demikian juga jika suntuk masanya diantara satu waktu kerana uzur atau sebab-sebab yang tak dapat ia melakukan sembahyangnya dibenarkan sembahyang jama' iaitu

menyatukan diantara sembahyang zohor dengan asar dan di antara Maghrib dengan Isya' iaitu meliputi dua waktu yang panjang masanya. Di dalam perjalanan(musafir) dibenarkan pula menyatukan waktu-waktu itu dengan mengurangkan pula rakaat-rakaatnya (qasā¹).

Semuanya adalah menunjukkan bahawa sembahyang sama sekali tidak boleh ditinggalkan. Apakah hukumnya orang-orang yang meninggalkan sembahyang itu?

Ahli-ahli Fiqh berselisih pendapat tentang hukum orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengahaja. Sebahagian berpendapat; bahawa orang-orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengahaja itu kufur hukumnya; dan sebahagian lagi berpendapat tidak kufur tetapi hanya fasik sahaja.

Imam-imam Malik, al- Shafi'ī dan ulama Ahlu al-Sunnah berpendapat dan menetapkan bahawa orang yang meninggalkan sembahyang fardhu dengan sengahaja itu tidak kufur, tetapi fasik sahaja sekalipun diatasnya wajib dihukum bunuh, jika ia tidak mahu bertaubat; membunuhnya harus dengan pedang.

Ahmad bin Hanbal dan segolongan ulama' al- Shafi'īyah berpendapat dan menetapkan bahawa orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengahaja itu kufur hukumnya, dan dilakukan atasnya hukum orang yang murtad.

¹ Ejaan sebenar qasar

Perselisihan-perselisihan pendapat ini terbitnya daripada beberapa hadith atas berlainan-berlainan memahaminya kerana ada di antaranya yang mengertikan kufur itu hanya atas kufur nikmat iaitu tidak menerima kebahagiaan daripada Allah. Mereka memberi beberapa alasan-alasan mereka.

Sahabat-sahabat Nabi yang terbanyaknya memandang kufur atas orang yang meninggalkan sembahyang dengan senghaja itu.

Ibn Abas berkata: “Barangsiapa meninggalkan sembahyang, maka sungguh kufurlah ia”

Ali Bin Abi Talib berkata: “Barangsiapa yang tidak mengerjakan solat (sembahyang) maka ia kufur”.

Ibn Mas’ud berkata: “Barangsiapa meninggalkan solat maka tidak ada (mempunyai) agama baginya”

Imam Abu Hanifah dan sahabatnya, al-Thauri, dan segolongan ulama ahli Kufah menyatakan bahawa orang yang meninggalkan solat dengan senghaja, kerana malas dan memandang ringan tidak dapat dikufurkan dan tidak wajib dijatuhkan hukuman bunuh. Mereka hanya wajib didera dan dipenjarakan hingga ia berbalik mengerjakan sembahyang. Tegasnya kalau ia tetap tidak mahu berbalik mengerjakan sembahyang ia akan tetap dipenjarakan selama-lamanya sampai mati.

Imam Mālik dan al-Shafi‘ī berpendapat dan menetapkan bahawa orang yang meninggalkan sembahyang dengan senghaja wajib dihukum had dengan bunuh, dan tidak dapat dikufurkan. Cara membunuhnya hendaklah dipenggal lehernya dengan pedang, dan ada pula yang mengatakan: hendaklah dipukulkan dengan kayu sehingga mati.

An-Nawawi menjelaskan pendapat ulama Shafi‘ī ini

dengan mengatakan bahawa dilakukan hukum bunuh itu ialah dengan meninggalkan satu sembahyang hukuman bunuh itu hendaklah disegerakkan jangan diberi bertempoh-tempoh lagi.

Adakah hukuman bunuh itu hanya dikenakan kepada orang-orang yang tidak mahu bertaubat. adakah dengan kerana ia telah mengucap dua kalimah syahadah, sesudah tidak mengerjakan sembahyang itu akan tidak dihukum bunuh.

Imam an-Nawawi, seorang ulama besar didalam mazhab Imam Shafi‘ī menegaskan: “Adalah kewajipan bagi hakim-hakim menjatuhkan hukuman bunuh ke atas orang yang meninggalkan sembahyang dan tidak memberi zakat, walau sekalipun ia membaca syahadah. Maka barangsiapa mengakui kewajipan solat (sembahyang) tetapi meninggalkannya dengan sengaja, ia wajib dibunuh.”

Sebenarnya ada banyak lagi hujah-hujah yang menguatkan pendapat ini berdasarkan kepada al-Qur’ān dan al-Hadith. Kajilah soal ini dengan sedalam-dalamnya dan ingatlah betapa Allah memberitakan perihalan sembahyang. sekiranya saudara-saudara tidak bersembahyang dan sentiasa melengahkan sembahyang, bertaubatlah dan carilah daya upaya bertaubat dan mengerjakan sembahyang yang lima waktu sehari semalam semoga kita mendapat faedahnya – amin.

SUDAH TERBIT!

P E R S U R A T A N M E L A Y U I I I

DRAMA

Harga \$7.00

Pesan kepada:-

QALAM

356/8 Geylang Raod

Singapore 14.